

Aktiviti penerokaan gugat keindahan, ekosistem

Taman Agroteknologi Batangsi terancam



Oleh LUQMAN HAKIM
AB. RAHIM

mohdluqman@kosmo.com.my

KAJANG - Penerokaan hutan untuk projek Taman Agroteknologi Batangsi di Kampung Pasir Baru, Semenyih, di sini telah menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan penduduk di situ.

Ini kerana, aktiviti penerokaan itu telah menggugat keindahan kawasan pelancongan yang berdekatan, Air Terjun Sungai Batangsi dan hampir memusnahkan ekosistem dan hidupan flora dan fauna di situ.

Air sungai mula keruh dan dipenuhi dengan lumpur sehingga membuatkan ia tidak digemari oleh orang ramai untuk bermandi-manda.

Tinjauan *KOSMO!* menyuri ke kawasan penerokaan itu sejauh lima kilometer dari jalan utama mendapati kawasan itu habis digondol berdekatan dengan Sungai Batangsi.

Aktiviti penerokaan hutan itu dipercayai bermula Oktober tahun lepas yang dilakukan oleh kontraktor dengan skop kerja menebas, menebang dan mengumpul pokok-pokok yang telah ditebang.

Pemerhatian *KOSMO!* juga mendapati kelibat pengunjung ke destinasi pelancongan



KESAN-KESAN pembalakan yang mencemarkan air terjun Sungai Batangsi di Semenyih semalam.

itu juga berkurangan dan tidak meriah seperti dulu lagi.

Seorang penduduk kampung, Ahmad Fauzi Ibrahim, 25, memberitahu, tempat itu dulunya mempunyai bilangan pengunjung ramai terutama setiap hujung minggu.

Namun, katanya semenjak aktiviti penerokaan hutan itu dilakukan jumlah pengunjung saban hari mula berkurangan.

"Air mula keruh dan tempat di sini mula terdedah kepada panas terik matahari. Siapa lagi yang nak datang berkelah di tempat sebegini," ujarnya.

Bagi Zulkefli Harun, 35, penerokaan itu telah menutup periuk nasi peniaga-peniaga yang dulunya berniaga di kawasan destinasi pelancongan itu tiada lagi pengunjung yang mahu datang ke situ untuk beriadah.

Penduduk kampung juga mendakwa terdapat aktiviti membawa kayu balak secara haram yang dilakukan oleh kontraktor terbabit ketika melakukan kerja-kerja tanah di kawasan tersebut.

Menurut sumber, modus operandinya juga menimbulkan pertanyaan kerana ia dilakukan secara sulit iaitu

pada sebelah malam, dipercayai bagi mengelak operasi tersebut dikesan oleh pihak berkuasa

Malah katanya, perkara itu sudah diadukan kepada pelbagai pihak termasuk Jabatan Perhutanan dan polis.

"Kami akan siasat, itu saja jawapan mereka. Kami inginkan jawapan yang pasti berkenaan aktiviti tersebut sama ada haram atau permit telah dikeluarkan," katanya.

Tambahnya, terdapat juga kewujudan sebuah kilang kayu yang dipercayai mendapat bekalan balak daripada aktiviti penebangan di situ.